

20/04/1998

Kerajaan negeri perlu dengar kata

Sut

Hari ini kita hendak menulis hal yang umum mengenai sesuatu projek yang dilaksanakan untuk rakyat sama ada dapat disiapkan dengan segera atau tidak dapat disiapkan mengikut jadual sehingga memberi kesan kepada rakyat yang menganggap pihak tertentu tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna. Tidak kurang juga pihak terbabit dipersalahkan kerana tidak dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan kepadanya, lalu memberi pelbagai alasan seperti keadaan ekonomi yang gawat.

Memang kita semua akui bahawa ekonomi kita memang gawat, tetapi memberi sebab bahawa ada projek yang tidak dapat dilaksanakan dengan alasan ekonomi gawat juga adalah satu gambaran keadaan minda kita yang lebih gawat. Terutamanya memikirkan bahawa ada projek tertentu yang seharusnya dilaksanakan sebelum keadaan ekonomi kita gawat, sehingga kini belum dibuat apa-apa tindakan juga, jelas adalah gambaran kegawatan minda kita.

Kita diberitahu oleh kaum kerabat kita yang berkunjung ke Kuala Lumpur bahawa ada projek di negeri tertentu yang sudah lama diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), malah mengikut khabar yang kita terima kononnya projek itu sudah dalam pengetahuan pimpinan kerajaan. Tetapi, kerana kelemahan ketua eksekutif di negeri berkenaan, projek yang itu tidak dapat berjalan dengan lancar walaupun waktu sudah lama berlalu.

Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa kelancaran sesuatu projek itu bergantung kepada dua pihak, pertama, kecekapan pihak negeri memberi kerjasama dan kedua, kemampuan syarikat yang melaksanakannya.

Kelmarin di Gelang Patah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman menimbang untuk mengambil alih ekuiti syarikat berpotensi bagi memastikan faedah rakyat tidak terjejas.

Kita kira itu adalah langkah yang amat positif kerana ia ada hubungannya dengan usaha menyelamatkan imej negara dan korporat yang selama ini berjaya menaikkan imej kita di mata dunia, walaupun memang mereka itu membuat keuntungan yang bukan kecil-kecil lumayannya.

Memang kelambatan disebabkan oleh masalah kewangan pihak syarikat yang mengendalikan sesuatu projek yang berhubung dengan kepentingan awam wajar sekali diselamatkan. Dalam hal ini, kita melihat bagaimana tangkasnya Perdana Menteri memberi reaksi segera bagi menyelamatkan negara. Lama dahulu misalnya Perdana Menteri sudah mencadangkan penubuhan Majlis Air Negara, tetapi hanya sekaranglah baru disebut semula.

Apabila sesuatu projek di peringkat negeri yang memerlukan belanja jutaan ringgit, pihak negeri secara bersendirian tidak dapat meluluskannya. Memang EPU memainkan peranan yang amat penting dan ini wajar kerana sesuatu projek yang ratusan juta ringgit itu mesti dilaksanakan oleh syarikat yang benar-benar berwibawa.

Tetapi ada projek yang diluluskan oleh EPU pun masih dipersoalkan oleh pemimpin politik di negeri tertentu. Ini yang menghairankan kita. Kenapa hal yang seperti ini terjadi? Adakah pihak tertentu di peringkat negeri hendak menilai semula projek itu berikutan perkembangan politik yang berlaku di negeri berkenaan. Memang ada ubi, ada batas, ada budi kena balas tetapi balasan yang hendak diberikan hendaklah berpadanan dan janganlah membabitkan rakyat umum yang mengundi, kerana kalau terlalu sangat politik kita dikuasai oleh hal yang demikian, yang membabitkan kesejahteraan rakyat, nanti rakyat akan jijik dan muak serta mual. Kita juga mendengar ada pemimpin di negeri tertentu yang mempersoalkan keputusan Kabinet. Mereka tetap mengatakan bahawa pada peringkat negeri

biarlah negeri yang meluluskannya. Kita berharap tidak ada ahli politik kita yang tidak memahami dengan sepenuhnya apa yang dikatakan keputusan Kabinet.

Kita ingin mengingatkan bahawa kita mempunyai sistem yang telus. Kita juga mempunyai ahli yang memang pakar dalam sesuatu bidang. Dalam bidang Teknologi Maklumat (IT), kita ada pakar IT. Dalam bidang prasarana seperti jalan raya, kita ada pakar jalan raya. Kita ada pakar dalam bidang mengendalikan kumbahan, dalam bidang pelupusan sampah. Kini kita sedang menghadapi masalah air, kita pun bukan tidak ada pakar dalam bidang ini. Kita hendaklah mendengar nasihat mereka. Kalau kita mendengar dengan baik nasihat mereka, kita fikir masalah air yang kita hadapi kini tidaklah segawat mana. Kalaupun ada masalah, oleh kerana keadaan angin dan cuaca dunia, El Nino dan sebagainya, maklumat yang lebih awal dapat kita sebarkan kepada rakyat supaya rakyat memperoleh pengetahuan yang cukup dalam menghadapi masalah air.

Dalam hal ini kita harap pihak yang bertanggungjawab di peringkat negeri mendengar nasihat pakar dalam bidang khusus demi kesejahteraan rakyat, kerana pada akhirnya rakyatlah yang berkuasa.

(END)